

PM kecewa dasar Britain terhadap apart

# Kita tidak

BN 16 JUL 1986

# akan tunduk

Oleh SHAROM SUBUH

Kemahuan rakyat

**MELAKA, Khamis — Malaysia, sebagai negara bebas, tidak boleh dipengaruhi oleh sesiapa dan tidak boleh tunduk serta tidak akan tunduk kepada Barat, Timur, Russia dan Amerika, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.**

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia mempunyai pendirian tersendiri dan kebebasannya tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa pun.

Merujuk kepada keputusan Kabinet semalam bahawa Malaysia tidak akan menyertai Sukan Komanwel di Edinburgh, Scotland, beliau berkata, keputusan itu dibuat kerana kerajaan tidak bersetuju dengan dasar kerajaan British terhadap Afrika Selatan.

"Britain ialah kuasa besar, tetapi kita tidak gentar kerana kita tentukan dasar dan pendirian kita mengikut kehendak kita sendiri.

"Kalau kita tidak mempunyai pendirian sendiri, kita tidak akan bebas dan akan tunduk kepada tekanan daripada kuasa-kuasa besar," katanya ketika merasmikan Replika Istana Kesultanan Melaka (Muzium Budaya), di sini pagi ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, penarikan Malaysia daripada menyertai sukan itu adalah satu tindakan kecil, tetapi ia mempunyai makna yang besar kerana ia menunjukkan bahawa Malaysia masih boleh membuat keputusan yang bertentangan dengan kehendak sebuah kuasa besar.

"Ini menunjukkan bahawa kita masih kuat dan boleh bertindak serta tidak boleh dipengaruhi oleh sesiapa," tegas Perdana Menteri.

Perdana Menteri menegaskan, kebebasan Malaysia tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa dan ini adalah hasil kerajaan yang kukuh dan kuat yang memang menjadi kemahuan rakyat sendiri.

Beliau berkata: "Kalau kita bentuk kerajaan yang lemah, dengan majoriti satu atau dua kerusi, maka ada pula orang yang boleh mempengaruhi dua atau tiga orang untuk menyeberang ke 'sebelah sana' dan menjatuhkan kerajaan kerana mengambil tindakan yang tidak disukai oleh pihak-pihak tertentu dari dalam atau luar negeri.

"Tetapi kerana kita mempunyai kerajaan yang cukup kuat dan mempunyai majoriti dua pertiga, maka tidak mudah bagi mana-mana pihak membeli wakil rakyat kita serta memujuk mereka supaya menjatuhkan kerajaan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, rakyat negara ini harus mempelajari sejarah silam, termasuk peristiwa kejatuhan negara Melayu yang sebelum itu tidak pernah berlaku sama ada kepada kuasa asing, jauh lagi kuasa Eropah.

"Daripada peristiwa itu, rakyat harus mempelajari apa yang harus dibuat dan kita tidak harus malu mengakui ada kelemahan pada kita, malahan pada zaman ini juga," tambahnya.